

# Kisah Tuan Haji Siraj Mengelilingi Asia Tenggara

Dengan azam yang bulat dan sepenuh-penuh yakin, akhirnya

berjayaalah Tuan Haji Siraj, pengembara Melayu, mengelilingi Asia Tenggara.

Cita-cita utama pengembara yang handal ini ialah untuk mengetahui dan menyiasat dengan mata kepala akan perihal hidup dan kemajuan umat-umat di Asia Tenggara, selain daripada menghubungkan tali silaturrahim.

Tatkala ditanya orang kepadanya ketika beliau bersyarah di mana-mana: Apakah modal dan berapa banyak ongkos yang dibawanya? Tuan Haji Siraj dengan tenang menjawab: "Modal saya hanya cita-cita, yakin, jujur, tabah hati dan taqwa kepada Allah 'azza wa jalla, serta tidak mengenal putus asa, sepanjang waktu dan masa!"

Menurut keterangannya kepada Qalam, beliau telah mengelilingi seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Siam, Burma, Vietnam, Indo-China, Kemboja, Filipina dan seluruh Kepulauan Indonesia - dari Sabang di utara Sumatera sampai ke Maruki di Irian Barat. Beliau telah berpeluang bertemu dengan raja-raja, orang besar-besar dan segala lapisan rakyat jelata dalam tiap-tiap negeri yang dilawatinya.

## Menggunakan 3 buah Basikal

Pengembara Haji Siraj, telah menempuh perjalanan di seluruh Tenggara Asia, sepanjang 22,750 batu dengan menghabiskan 14 pasang tayar basikal, 8 pasang kasut dan berpuluhan-puluhan pasang pakaian yang telah dimakan peluh setiap hari. Tiga buah basikal telah digunakan selama ini. Dua buah di antaranya ialah hadiah daripada Gudang Robinson.

**Lahir di Indonesia, Besar di Tanah Melayu**

Tuan Haji Siraj dilahirkan di Indonesia dan telah berpindah ke Tanah Melayu ketika beliau berumur 9 tahun. Lepasan sekolah agama, dan sekarang bermastautin di Kampung Sungai Tiang, Bagan Datoh, Perak.



*Tuan Haji Siraj*